

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

RPE 436 - Pemetaan Dan Tafsiran Foto Udara

Tarikh: 13 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Lengkapkan jawapan-jawapan anda dengan lukisan dan gambarajah di mana perlu.

1. Elemen yang penting sekali di dalam pemetaan ialah Simbol. Bincangkan.

( 25 markah )

2. Senaraikan ciri-ciri yang anda akan kemukakan untuk menilaikan sebarang peta-peta tertentu.

( 25 markah )

3. Apakah teknik kartografi yang anda akan gunakan untuk menerangkan taburan penduduk di Semenanjung Malaysia mengikut negeri dan mengikut kaum pada 1970 dan 1980? Berikan komen tentang batasan teknik yang digunakan.

( 25 markah )

4. Berikan sekurang-kurangnya LIMA perbezaan asas di antara sekeping gambar foto udara dengan sekeping peta. Apakah faedah-faedah penggunaan gambar foto udara di dalam kajian penggunaan tanah?

( 25 markah )

5. Bagaimanakah kita dapat menggunakan gambar foto udara di dalam siasatan penduduk? Kemukakan satu teknik yang anda fahami untuk menentukan penduduk di dalam satu kawasan.

( 25 markah )

6. Bincangkan sejauh manakah teknik-teknik tafsiran foto udara dapat membantu perancang membuat kerjanya?

( 25 markah )

7. "Objek-objek boleh dikenali di atas gambar foto udara kerana adanya unsur-unsur gambaran." Apakah unsur-unsur gambaran ini, sifat-sifat dan rupabentuk mereka?

( 25 markah )